

**Menteri2
dinasihat
jangan
ketuai
badan
sukan**

BM 17/NDU/85

KUALA LUMPUR, Sabtu
— Menteri-menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri sekali lagi dinasihatkan supaya jangan mengetuai perubahan-perubahan sukan tetapi menumpukan perhatian mereka kepada masalah pentadbiran dan rakyat.

Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~, berkata arahan itu dibuat kerana kerajaan bimbang pembabitan mereka dalam badan-badan berkenaan akan mengganggu ahli-ahli lain daripada menyuarakan pendapat.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan komputer *Accent 2001* di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan seberapa yang boleh, tidak mahu melihat menteri-menteri membabitkan diri dalam mana-mana badan sukan kerana ia mungkin menimbulkan masalah tertentu.

Bagaimanapun, kata Datuk Seri Dr Mahathir, ia tidak membabitkan semua menteri kerana setengah daripada mereka diberi pengecualian.

Katanya, pengecualian itu diberikan atas sebab-sebab tertentu. Beliau tidak memberitahu sebabnya dan siapa dikecualikan.

Antara menteri-menteri Kabinet dan Menteri Besar yang masih mengetuai perubahan sukan ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali Haji Mohd Ali (Presiden Persekutuan Sepaktakraw Malaysia/Selangor dan Presiden Bolasepak Selangor) dan Menteri Besar Johor, Datuk Ajib Ahmad (Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Johor).